

JAWAPAN

TEMA 1 SULUH MASA DEPAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 B | 2 D | 3 B | 4 A | 5 C |
| 6 A | 7 D | 8 B | 9 C | 10 B |
| 11 A | 12 D | 13 C | 14 A | 15 C |

BAHAGIAN C

Faedah-faedah Projek Taman Sains kepada pelajar dan warga sekolah ialah:

- 1 menggalakkan warga sekolah untuk melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan
- 2 memupuk semangat kerjasama antara warga sekolah untuk menjaga kebersihan dan keceriaan persekitaran sekolah
- 3 warga sekolah akan didedahkan dengan asas pertanian dan perikanan – mereka dapat menimba pengalaman baharu tentang cara menguruskan kebun dan projek akuakultur
- 4 dapat membantu seseorang itu untuk berinteraksi dengan bagus
- 5 mampu meningkatkan keyakinan diri ketika berhadapan dengan masyarakat
- 6 dapat membentuk daya disiplin dan nilai tanggungjawab terhadap diri seseorang

Kesimpulannya, kita mestilah menyertai Projek Taman Sains supaya kehidupan sentiasa ceria

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Antara kebaikan makmal komputer ialah makmal komputer mempunyai kemudahan pelajaran yang sempurna seperti tempat yang selesa untuk kegunaan murid. Seterusnya, pembelajaran mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi di makmal komputer dapat melahirkan murid yang celik IT. Hal ini dikatakan demikian kerana murid didedahkan dengan Program Lifelong Learning IT (LIT). Di samping itu, pembelajaran di makmal komputer juga menggalakkan pembelajaran secara sendiri. Murid dapat mengakses Internet dengan mudah. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan kerana murid dapat mengakses

maklumat yang sukar diperolehi. Akhir sekali, murid dapat menjimatkan masa dan kos.

TEMA 2 BERSIH SELALU, SIHAT SENTIASA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 A | 2 D | 3 C | 4 A | 5 B |
| 6 B | 7 C | 8 A | 9 D | 10 A |
| 11 C | 12 A | 13 B | 14 A | 15 A |

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Antara keburukan telefon bimbit kepada murid ialah telefon bimbit boleh menjejaskan kesihatan murid. Sebagai contoh, mata akan menjadi rosak. Seterusnya, telefon bimbit juga boleh menjejaskan pelajaran mereka. Pelajaran mereka akan terjejas sekiranya telefon bimbit digunakan tanpa kawalan. Akhir sekali, telefon bimbit berupaya mempengaruhi prestasi akademik ke tahap yang membimbangkan. Murid mudah terdedah kepada pengaruh dan budaya negatif sehingga merudumkan prestasi akademik.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kehendak Soalan: Punca-punca berlakunya kemurungan dalam kalangan remaja

Pendahuluan

kemurungan dalam kalangan kanak-kanak merupakan satu isu yang kontroversial sejak beberapa dekad yang lalu – terdapat pelbagai kesan kemurungan

Isi-isi penting

- 1 sedih dan hilang minat tanpa sebab – tidak bersemangat untuk melakukan aktiviti seharian – prestasi pelajaran semakin teruk
- 2 hilang selera makan – menyebabkan masalah kesihatan – menjejaskan aktiviti seharian
- 3 tidur terganggu – tidak mendapat rehat yang mencukupi – kualiti pelajaran menurun

Penutup

masalah kemurungan perlu diatasi – masyarakat sekeliling perlu peka – mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini daripada berlaku

Soalan 2

Kehendak soalan: Peranan ibu bapa untuk menangani masalah kemurungan

Pendahuluan

kesihatan mental para remaja perlu diambil perhatian – kemurungan menyebabkan kesihatan mental para remaja terganggu – ibu bapa berperanan untuk mengatasi masalah ini

Isi-isi penting

- 1 memberi didikan agama yang mencukupi kepada anak-anak – memelihara diri daripada melakukan perbuatan yang salah di sisi agama – menstabilkan emosi dan fizikal
- 2 banyak meluangkan masa bersama anak-anak – menjalankan pelbagai aktiviti pada hujung minggu – anak-anak akan mendapat perhatian yang secukupnya
- 3 memantau aktiviti anak-anak di dalam dan luar rumah – mengambil tahu tentang hal peribadi anak-anak – sentiasa menegur kesalahan anak-anak dengan cara yang berhemah

Penutup

kesihatan mental remaja perlu diberi perhatian – mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini – masyarakat sekeliling perlu serius untuk mengatasi isu ini

Soalan 3

Kehendak soalan: Kepentingan rakan sebaya

Pendahuluan

Kata Alu-aluan

Isi-isi penting

- 1 sumber motivasi yang baik – membimbing ke arah kebaikan – mengelakkan diri daripada terjerumus dalam gejala sosial
- 2 tempat meminta pertolongan – berhadapan dalam situasi kecemasan – mengurangkan beban

- 3 teman belajar – meluangkan masa yang berkualiti untuk mengulang kaji pelajaran – meningkatkan prestasi akademik

Penutup

rakan sebaya banyak mempengaruhi tindakan kita – perlu bijak memilih rakan sebaya yang baik – menjamin masa hadapan yang cerah

TEMA 3

KECERDASAN MENINGKAT, KETERAMPILAN MEMIKAT

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) datang
(ii) atlet
(iii) apabila
- 2 (i) menceburkan diri
(ii) urus setia
(iii) dwitahunan
- 3 (i) Semua peserta berbasikal itu dari Kampung Mahkota
(ii) Majlis penyampaian anugerah itu berjalan dengan lancar.
- 4 (i) Ayam tambatan
(ii) Berat sama dipikul ringan sama dijinjing

BAHAGIAN C

Penerangan bagi singkatan huruf:

- AT – ayat tema
AK – ayat kesan
SU – isi tersurat
SI – isi tersirat
AC – ayat cadangan
AH – ayat harapan

Pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia sering menyarankan masyarakat agar menderma darah (AT). Mereka perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh KKM sebelum menderma darah (AK). Antara syarat asas penderma ialah sihat tubuh badan (SU). Hal ini dikatakan demikian kerana penderma yang tidak dijangkiti sebarang penyakit kronik sangat diutamakan (SI). Selain itu, penderma mesti berumur antara 17 tahun hingga 70 tahun untuk mereka yang pertama

kali menderma darah (SU). Justeru, kanak-kanak tidak disarankan untuk menderma darah (SI). Tambahan pula, berat badan penderma mestilah 45 kilogram ke atas (SU). Bukan itu sahaja, penderma perlu mengisi maklumat yang disediakan bagi memudahkan urusan pendaftaran (SI). Kesimpulannya, (AC) masyarakat harus menyertai kempen dermah darah supaya mampu menyelamatkan mereka yang memerlukan. (AH)

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Antara amalan gaya hidup sihat ialah kita perlu mengamalkan pemakanan yang seimbang mengikut panduan piramid makanan. Seterusnya, kita juga perlu melakukan aktiviti senaman berkala sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Aktiviti-aktiviti yang disarankan seperti larian dan senaman ringan di kawasan lapang. Selain itu, kita sewajarnya menjaga kebersihan diri dan persekitaran supaya lebih bersih dan tidak dijangkiti kuman. Bukan itu sahaja, kita disarankan untuk membuat pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya tiga kali setahun sebagai langkah mengelakkan penyakit kronik. Akhir sekali, sekiranya kita mengambil berat terhadap amalan gaya hidup sihat, ia dapat menjamin kesihatan mental dan sosial.

TEMA 4 WASPADA SELALU!

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- 1 D 2 B 3 C 4 A 5 A
6 B 7 D 8 B 9 C 10 B

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kehendak Soalan: Punca-punca berlakunya kes gangguan seksual

Pendahuluan

Gangguan seksual ialah sebarang pelakuan bersifat seksual secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal.

Isi-isi penting

- 1 tarikan fizikal dan personaliti – wanita yang berwajah cantik lebih cenderung diganggu – menjadi perhatian dan tarikan rakan
- 2 kebebasan Internet yang menyediakan bahan lucah – bahan lucah yang dilihat menjadi sebatian dengan diri seterusnya menganggap perkara itu sebagai perkara biasa lalu mengucapkan atau melakukan perbuatan tersebut kepada orang lain
- 3 pemilikan kuasa menjadi punca kepada gangguan seksual – struktur organisasi syarikat yang biasanya menempatkan lelaki dalam kedudukan yang lebih berautoriti daripada wanita menyebabkan mereka cenderung untuk menyalahgunakan kuasa mereka
- 4 pemangsa gagal menahan diri dan nafsunya dari berbuat perkara sedemikian – terdorong ke arah kegelapan dan kemaksiatan

Penutup

masyarakat perlu peka terhadap isu gangguan seksual – menjamin keselamatan anak-anak

Soalan 2

Kehendak Soalan: Huraikan langkah-langkah keselamatan untuk mengatasi masalah gangguan seksual

Pendahuluan

gangguan seksual boleh terjadi terhadap mental dan emosi – trauma di usia muda yang perlu diberikan perhatian – pelbagai langkah perlu direncanakan – untuk menangani masalah gangguan seksual ini

Isi-isi penting

- 1 sentiasa berpasangan ketika berada di tempat sunyi – bijak memilih kawan yang ke arah kebaikan
- 2 ibu bapa memberikan didikan agama secukupnya – bezakan antara yang baik dan buruk – berlandaskan syariat dan kepercayaan masing-masing
- 3 kempen tangani gangguan seksual – berikan kesedaran kepada masyarakat – bahayanya gangguan seksual ini – merugikan pelbagai pihak

- 4 membuat laporan – insiden tersebut – penyelia atau pengurus sumber dalaman – tiada tindakan diambil – kemukakan aduan – pihak polis

Penutup

masyarakat perlu prihatin dalam hal ini – perlu dikupas secara komprehensif dan teliti – generasi muda yang terdiri daripada kanak-kanak kini seharusnya dilindungi

Soalan 3

Kehendak Soalan: Kesan-kesan sekiranya seseorang itu menghadapi gangguan seksual di tempat kerja.

Pendahuluan

gangguan seksual di tempat kerja – bukanlah sesuatu yang baharu – bukan perkara yang mudah untuk ditangani – kesan gangguan seksual tidak terhad pada mental – memberi impak terhadap kesihatan fizikal, moral mangsa serta orang sekeliling

Isi-isi penting

- 1 berisiko untuk mengalami kemurungan – memberi kesan yang berpanjangan – rasa stres – sukar tidur malam
- 2 akan bersendirian dan suka menyalahkan diri sendiri – trauma – rasa marah dan kecewa – gangguan seksual – sukar untuk meneruskan kehidupan – sentiasa teringat pada gangguan seksual yang dialami
- 3 kesihatan mula terjejas – tekanan darah tinggi dan pedih ulu hati – isu psikologikal
- 4 gangguan seksual – menjadi punca – produktiviti di tempat kerja menurun – rasa takut dan tidak selamat di tempat kerja – pekerja tidak bersemangat – datang lambat – ponteng kerja – tidak fokus pada kerja

Penutup

gangguan seksual – bukan perkara yang remeh – merupakan salah laku yang sangat serius – mengambil langkah mengatasi gangguan seksual yang sepatutnya

TEMA 5 DIRGAHAYU NEGARAKU

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (a) Berdasarkan Bahan 1, sumbangan tokoh-tokoh tersebut kepada negara ialah kontinjen negara pulang dengan membawa kejayaan manis apabila mencatatkan pencapaian cemerlang dalam sukan paralimpik dengan membawa pulang tiga emas dan dua perak. Berdasarkan bahan 2, sumbangan tokoh-tokoh tersebut kepada negara ialah tokoh tersebut menentang penjajah untuk membebaskan tanah air.
(b) Kepentingan mempertahankan tanah air seperti tokoh-tokoh berikut berdasarkan bahan 2 ialah negara kita akan bebas daripada berada di bawah cengkaman penjajah. Seterusnya, negara kita mempunyai kebebasan untuk mentadbir mengikut acuan sendiri.
(c) Langkah-langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara ialah:
P1 Rakyat perlulah mempunyai semangat patriotik supaya negara kekal merdeka.
P2 Pemimpin sesebuah negara haruslah mengadakan pelbagai program kepada masyarakat untuk meningkatkan semangat patriotik.
P3 Masyarakat perlu mengelakkan amalan rasuh kerana perbuatan ini menjejaskan imej negara.
- 2 (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
a) Kita hendaklah menyayangi anak kandung sendiri. Contohnya, Emak Syahir mengingatkan Syahir akan pesanan arwah ayahnya sebelum dia pergi berlatih untuk skuad badminton kebangsaan.
b) Kita hendaklah menyayangi ibu kita. Contohnya, Syahir berat hati untuk meninggalkan emaknya di hospital kerana terpaksa berkorban demi mencapai cita-citanya untuk menjadi seorang juara dunia.

- (ii) Hempasan Ombak, karya Zailani Taslim
- a) Kita mestilah gigih dalam menggapai kejayaan. Contohnya, Farid gigih berusaha untuk mengembangkan perusahaan Batik Nusantara walaupun menghadapi pelbagai cabaran.
 - b) Kita mestilah bertanggungjawab dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Contohnya, Farid bertanggungjawab menyelesaikan masalah kewangan syarikat Batik Nusantara setelah ditinggalkan oleh ayahnya.
- (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
- a) Kita hendaklah gigih dalam menempuh sebarang cabaran dalam hidup. Contohnya, Farhani gigih mencari jalan keluar setelah menjadi orang tawanan tentera Caucasus sehingga berjaya pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat.
 - b) Kita perlu rajin dalam membuat rujukan sebagai persediaan awal menghadapi sesuatu perkara. Contohnya, Farhani dan ahli keluarganya rajin mencari maklumat berkaitan spesies kumbang melalui laman sesawang.
- (iv) Chot, karya Azizi bin Haji Abdullah
- a) Kita mestilah bercakap jujur dalam apa jua perkara. Contohnya Aliah bercakap benar kepada Cikgu Sunan sebab dia datang lewat ke sekolah.
 - b) Kita perlu insaf atas kesilapan yang dilakukan. Contohnya, Cikgu Sunan insaf atas kesilapannya yang tidak memberi perhatian yang sepatutnya kepada Alias.

BAHAGIAN C

Rumusan membincangkan kepentingan memelihara bangunan bersejarah.

SU1: memelihara warisan budaya dan sejarah yang mencerminkan seni bina zaman dulu, gaya hidup dan cara nenek moyang kita

SU2: simbol identiti dan jati diri negara

SU3: bangunan bersejarah menjadi tarikan utama bagi pelancong sama ada dari dalam atau luar negara

SU4: menghormati jasa dan usaha nenek moyang kita

SU5: pusat pembelajaran tentang nilai-nilai dan tradisi nenek

moyang yang perlu diwarisi oleh generasi akan datang

Kesimpulannya, bangunan bersejarah perlu dipelihara sebaiknya agar keunikan dapat dipertahankan untuk generasi akan datang

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Pada tanggal 31 Ogos 1957 merupakan tarikh kemerdekaan negara yang dicintai ini. Baru-baru ini, sekolah saya telah menyambut hari kemerdekaan yang penuh bermakna. Sekolah telah mengadakan aktiviti yang bertemakan patriotik. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan mewarna, mendeklamasi sajak, melukis poster dan lain-lain. Terdapat pelbagai hadiah merekaik telah diberikan kepada para pemenang. Para pemenang akan menerima hadiah wang tunai yang disampaikan oleh pengetua. Sambutan ini diakhiri dengan perarakan kemerdekaan dan disertai laungan merdeka.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kehendak Soalan: Langkah-langkah meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Pendahuluan

perpaduan kaum – membina sebuah negara harmoni – pelbagai kaum seperti Melayu, India, Cina, Khadazan dan Iban – membina sebuah negara merdeka – pelbagai langkah meningkatkan semangat perpaduan kaum

Isi-isi penting

- 1 menganjurkan majlis rumah terbuka perdana – semua kaum – pelbagai peringkat – sekolah, masyarakat dan kebangsaan – memperkasakan hubungan antara kaum di Malaysia
- 2 program-program bersifat semangat Muhibbah antara kaum – contohnya Sambutan Hari Keluarga – mewujudkan nilai keakraban dalam masyarakat pelbagai kaum
- 3 penerapan nilai ziarah-menziarahi – saling mengunjungi bertanya khabar – ambil berat jiran – saling berkasih sayang – membentuk masyarakat majmuk
- 4 program kenegaraan seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diwujudkan semula – melahirkan semangat perpaduan dalam sanubari remaja daripada masyarakat majmuk yang bakal menjadi pemimpin negara pada satu masa nanti

Penutup

kemakmuran negara – bergantung kepada perpaduan kaum – rakyat ialah aset – dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara

Soalan 2

Kehendak Soalan : Ceritakan pengalaman anda semasa sambutan tersebut dan bagaimanakah sambutan kemerdekaan dapat mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat?

Pendahuluan

31 Ogos setiap tahun – negara sambut bulan kemerdekaan – semua lapisan masyarakat berhimpun – pelbagai peringkat – sambutan peringkat daerah

Isi-isi penting

- 1 dataran Merdeka – orang ramai berhimpunan – menyaksikan hari kemerdekaan
- 2 program bermula – menunggu ketibaan tetamu kehormat – acara perbarisan pelbagai agensi keselamatan negara – polis, tentera, bomba, Jabatan Pengangkutan Jalan
- 3 nyanyian lagu Negaraku – persembahan kebudayaan masyarakat majmuk – tarian pelbagai kaum – dapat kenali pelbagai budaya

Penutup

sangat gembira – menyaksikan sambutan Hari Kemerdekaan – rakyat pelbagai bangsa – berkumpul – cinta akan negara – nikmat kemerdekaan yang dikecapi

Soalan 3

Kehendak Soalan: Kepentingan semangat perpaduan menggunakan sebuah peribahasa yang bertajuk “Bersekutu Bertambah Mutu”.

Pendahuluan

perpaduan bermaksud – satu proses menyatupadukan anggota masyarakat – rakyat Malaysia terdiri pelbagai kaum – Melayu, Cina, India, Khadazan, Iban – pelbagai kepentingan semangat perpaduan

Isi-isi penting

- 1 membentuk semangat nasionalisme – mempertahankan negara daripada penjajah – merencana kepimpinan negara yang terbaik
- 2 tarikan pelancong – atas dasar kemanan dan kestabilan politik – rasa selamat untuk berkunjung
- 3 dapat memelihara budaya, warisan masyarakat – kepelbagaian makanan mengikut kaum – pakaian dan seni bina bangunan – khazanah tidak dapat di negara lain.
- 4 menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup – berbeza bahasa, budaya dan pemikiran – nilai kemanusiaan dan agama – mendorong ke arah kebaikan

Penutup

banyak kepentingan – masyarakat perlu lebih cakna – bersikap sederhana – perpaduan dibentuk – menghasilkan keamanan dan keharmonian

TEMA 6 INTEGRITI TINGGI, SAHSIAH TERPUJI

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 B | 2 A | 3 D | 4 C | 5 A |
| 6 A | 7 A | 8 B | 9 A | 10 A |

BAHAGIAN C

Penerangan bagi singkatan huruf:

- AT – ayat tema
- AK – ayat kesan
- SU – isi tersurat
- SI – isi tersirat
- AC – ayat cadangan
- AH – ayat harapan

Integriti merupakan satu nilai tanggungjawab yang perlu ada bagi seseorang atau organisasi (AT). Antara faktor kemerosotan integriti seseorang disebabkan kelemahan individu (SU) dalam mengawal sesuatu kerana mementingkan kebendaan (SI). Bukan itu sahaja, (SU) struktur dan institusi yang tidak kemas dan tidak sesuai dengan peredaran masa menyebabkan individu berani melakukan kesalahan (SI). Selain itu, (SU) masyarakat kurang menitikberatkan integriti kerana takut membuat laporan sekiranya ternampak sesuatu perkara yang menyalahi undang-undang (SI). Bukan itu sahaja, kelemahan sistem dan prosedur turut menyumbang berlakunya kemerosotan integriti seseorang. Oleh itu, nilai integriti perlu disemai dalam diri masyarakat agar ketidaktuluan dalam sesuatu perkara dapat dielakkan.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Aku murid tingkatan tiga yang dilantik sebagai pengawas sekolah. Aku memikul tanggungjawab yang sangat berat di sekolah. Kepercayaan yang diberikan oleh pihak sekolah kepada aku tidak akan disia-siakan sebagai pemimpin murid. Aku berharap atas pelantikan ini menjadikan diri ini contoh terbaik kepada murid lain. Justeru, peraturan sekolah perlu aku patuhi sebaiknya. Setiap hari aku akan memantau kebersihan kelas, memastikan keselamatan sekolah terjamin. Bukan itu sahaja, aku perlu melaporkan salah laku disiplin murid. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan tugas aku, aku perlu amanah dan menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya. Jadi aku tidak boleh pilih kasih sekiranya seseorang murid melakukan kesalahan.

TEMA 7 PERSAUDARAAN TANPA SEMPADAN

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) Pengera
(ii) Elektrik
(iii) bangunan
- 2 (i) adalah
(ii) ialah
(iii) mestilah kita ikuti
- 3 (i) Murid-murid tingkatan tiga merancang untuk melawat wad pediatrik di sebuah hospital
(ii) Pemuda itu sangat pemurah setelah bergelar jutawan.
- 4 (i) Bersatu teguh, bercerai roboh
(ii) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- 5 (a) Perbezaan kehidupan berjiran pada zaman dahulu dan sekarang ialah pada zaman dahulu kemesraan antara jiran sangat erat, namun pada zaman sekarang pula tiada lagi kemesraan dalam berjiran.
(b) Kepentingan dalam menjaga hubungan baik dengan jiran tetangga berdasarkan kedua-dua petikan:
Bahan 1
 - Kemesraan antara jiran tetangga amat erat
 - Jika ada kenduri atau kematian, pasti berduyun-duyun orang kampung akan hadir.Bahan 2
 - Memupuk kerjasama dalam kalangan anggota masyarakat
 - Membentuk ukhuwah yang kukuh ampuh
 - Membentuk semangat kekitaan dan melahirkan masyarakat yang bersatu padu
 - Membolehkan semua anggota masyarakat memahami antara satu sama lain
- (c) Kesan jika kita mengamalkan kehidupan harmoni bersama jiran
 - Perbalahan tidak akan berlaku
 - Merapatkan hubungan silaturahim

- 6 (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
- a) Tema: Kegigihan seseorang dalam mencapai kejayaan
Contoh: Syahir yang bersaing di setiap kejohanan dengan penuh iltizam akhirnya berjaya menjadi seorang juara dunia
 - b) Persoalan 1: Persoalan rasa bangga mewakili negara dan berjuang mengharumkan nama negara
Contoh: Di Kejohanan Antarabangsa Badminton, Syahir telah berjuang habis-habisan menumpaskan tuan rumah yang mendapat sokongan padu penyokong di perlawanan akhir.
 - c) Persoalan 2: Persoalan kasih sayang ibu kepada anaknya
Contoh: Ibu kepada Syahir mengingatkan beliau segala pesanan arwah ayahnya sebelum pergi berlatih untuk skuad badminton kebangsaan
- (ii) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
- a) Tema: Iltizam seseorang anak dalam membangunkan sesuatu perkara
Contoh: Farid telah menggalas tanggungjawab menguruskan Syarikat Batik Nusantara selepas ayahnya meninggal dunia.
 - b) Persoalan 1: Persoalan kasih sayang antara ahli keluarga
Contoh: Ibu kepada Farid iaitu Hajah Zaoyah sangat menyayangi anak-anaknya dan sanggup menggadai tanah dan barang kemas demi membantu Farid memajukan perusahaan keluarganya.
 - c) Persoalan 2: Persoalan kepentingan pendidikan dalam kehidupan
Contoh: Zuraida berhasrat untuk menyambung pengajian dalam bidang perniagaan untuk mendalami ilmu pengetahuan tersebut sebelum memajukan perniagaannya

- (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
 - a) Tema: Kegigihan remaja berdepan dengan pelbagai dugaan dan cabaran hidup
Contoh: Farhani dan Kim Yong tetap membantu Puteri Coleoptera untuk menumpaskan Komander Caucasus walaupun tiada sebarang pengalaman.
 - b) Persoalan 1: Persoalan perpaduan antara kaum dalam kalangan generasi muda
Contoh: Farhani dan rakan-rakannya Chea Mei, Haikal, Devnath, Wei serta Kim Yong adalah contoh generasi muda yang berkawan baik tanpa mengira perbezaan kaum serta agama.
 - c) Persoalan 2: Persoalan kepentingan ilmu dalam kehidupan.
Contoh: Farhani dan rakan-rakannya diberikan tugas oleh Cikgu Salimah untuk kenal pasti jenis-jenis kumbang dan membuat zoo mini di sekolah.
- (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah
 - a) Tema: Kasih sayang antara manusia dengan haiwan
Contoh: Alias sangat menyayangi Chot, seekor beruk yang sebelum ini dipelihara oleh ayahnya.
 - b) Persoalan 1: Persoalan masyarakat miskin yang tinggal di kawasan pedalaman
Contoh: Alias dan ibunya mendiami sebuah pondok buruk dan bergantung pada upah memetik kelapa.
 - c) Persoalan 2: Persoalan masyarakat kampung yang mengamalkan semangat saling membantu
Contoh: Mak Su Kiah selalu menyediakan makanan tengah hari untuk Alias dan ibunya.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kehendak Soalan: Cara-cara perpaduan dapat dipupuk melalui aktiviti kemasyarakatan yang telah dijalankan

Pendahuluan:

pelbagai cabaran – membentuk sebuah negara – masyarakat majmuk – keunikan mesti dijaga – keamanan terjamin – pelbagai cara – memupuk perpaduan kaum

Isi-isi penting:

- 1 aktiviti gotong-royong perdana – erat hubungan silaturahim – lebih mesra – tunjuk kebersamaan – berat sama dipikul ringan sama dijinjing
- 2 menyambut hari perayaan bersama-sama – Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, Deepavali, Wesak, Hari Gawai, Pesta Kaamatan dan Hari Natal – mempelajari dan menikmati hidangan yang lazimnya dihidangkan. Bak kata pepatah, tak kenal maka tak cinta
- 3 memperkasa aktiviti sukan dan rekreasi – melahirkan sifat bekerjasama dan toleransi – tanpa mengira waktu dan lapisan umur masyarakat

Penutup:

memastikan perpaduan antara kaum kekal utuh – ikan di laut, asam di darat, dalam periuk, bikin muafakat – masyarakat mempunyai minda terbuka – menerima dan menghormati kaum – hidup harmoni di bawah satu bendera

Soalan 2

Kehendak Soalan: Karangan “Kecil Tapak Tangan, Nyiru Kami Tadahkan”

Pendahuluan:

kejadian banjir – limpahan air sungai – kawasan rendah – rumah ditenggelami air – hujan berpanjangan

Isi-isi penting

- 1 dipindahkan – pusat pemindahan banjir – dibantu oleh agensi penyelamat
- 2 semasa di tempat pemindahan sementara – makanan, penginapan disediakan – kerjasama sukarelawan
- 3 bantuan barangan asas diberikan – selepas paras air terkawal – sukarelawan mencuci kawasan dalam dan luar rumah
- 4 Bantuan kewangan – disampaikan oleh wakil kerajaan – meringankan beban – selepas banjir melanda

Penutup:

peribahasa Kecil Tapak Tangan, Nyiru Kami Tadahkan – bantuan yang disalurkan oleh kerajaan – amat bermakna.

Soalan 3

Kehendak Soalan: Laporan tentang misi bantuan bencana alam tersebut dan bentuk bantuan yang telah anda berikan.

Tajuk: Laporaan Misi Bantuan Bencana Alam

Pendahuluan:

pada 25 September – mengikuti misi bantuan banjir – Kampung Pahit, Gerik – seramai 50 orang – bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Isi-isi Penting

- 1 tujuan bantuan diberikan – bantuan awal – meringankan beban mangsa – baik pulih kerosakan
- 2 bentuk bantuan – diagih mengikut kumpulan – mudah urusan pengagihan tugas – gabungan pelbagai agensi
- 3 bantuan kemanusiaan seperti tempat tinggal, bekalan air bersih
- 4 bantuan perubatan seperti ubat-ubatan dan rawatan kesihatan
- 5 sumbangan tenaga menjadi sukarelawan

Penutup:

semua peserta misi bantuan – khidmat terbaik – mangsa banjir terharu – pertolongan yang diberikan – disambut baik

*Laporan disediakan oleh, (Pengakuan pengirim dan jawatan)

TEMA 8 SUBUR BAHASA, MEKAR SASTERA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 A 2 B 3 B 4 D 5 A
6 D 7 D 8 D 9 B 10 B

BAHAGIAN B

- (i) warganegara
(ii) peserta
(iii) Februari
- (i) digunakan
(ii) Kamu
(iii) kepada
- (i) Pak Pandir membaca buku cerita rakyat yang bertajuk Selempang Sutera
(ii) Faris menceburkan diri dalam bidang penulisan sejak tiga tahun lalu
- (i) Bahasa jiwa bangsa
(ii) Membaca jambatan ilmu

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Aku senaskah surat khabar. Nama aku Sinar Harian. Aku dicetak di sebuah kilang penerbitan. Badan aku dipenuhi dengan dakwat bewarna-warni dan menarik untuk dibaca. Setiap pagi aku akan dihantar ke sebuah kedai kopi dan kedai buku yang menjadi tumpuan ramai. Aku mempunyai ramai pelanggan yang suka membaca sambil minum kopi. Aku sentiasa menjadi perbualan isu semasa mahupun hiburan seperti sukan dan sebagainya. Bukan itu sahaja pelanggan aku juga boleh membaca artikel daripada tokoh-tokoh akademik untuk memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

TEMA 9 INDAH SENI, ENDAH BUDAYA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 C 2 A 3 B 4 D 5 B

BAHAGIAN B

- (i) Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas
(ii) Menambat hati
- (a) Kepentingan permainan tradisional dan seni budaya masyarakat

Bahan 1

- Mewujudkan keharmonian masyarakat
- Mewujudkan keamanan negara
- Mengeratkan perpaduan kaum

Bahan 2

- Sumber warisan dan gelak tawa masyarakat
- Kebanggaan aset budaya bangsa Malaysia yang melambangkan ciri-ciri kebudayaan bangsa
- (b) Dua kelebihan mempertahankan seni dan budaya kita
 - Menjadi rujukan generasi akan datang
 - Mengekalkan keunikan seni bina permainan tersebut
- (c) Usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk mengekalkan budaya warisan bangsa kita
 - Ibu bapa perlu menyediakan sudut permainan tradisional
 - Pihak sekolah memperkenalkan permainan tradisional melalui Kelab Kebudayaan dan Kesenian
 - Pihak kerajaan mempromosikan permainan tradisional dalam media sosial seperti facebook

3 Latar masyarakat dalam novel

(i) Justeru Impian di Jaringan, karya Zaid Akhtar

- a) Masyarakat yang tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan
Contoh: Syahir yang bersaing di setiap kejohanan dengan penuh iltizam akhirnya berjaya menjadi seorang juara dunia.
- b) Masyarakat yang mencurahkan kasih dan sayang kepada orang-orang terdekat.
Contoh: Emak Syahir mengingatkan Syahir akan pesanan arwah ayahnya sebelum dia pergi berlatih untuk skuad badminton kebangsaan.
- c) Masyarakat yang mempunyai jati diri dan semangat yang kuat
Contoh: Haji Marzuki berani untuk meletak jawatan sebagai jurulatih sekiranya Syahir tidak berjaya memenangi juara dunia.

(ii) Hempesan Ombak, karya Zailiani Taslim

- a) Masyarakat yang berniaga untuk mencari rezeki diri dan keluarga
Contoh: Farid sebagai anak sulung telah menggalas tanggungjawab menguruskan Syarikat Batik Nusantara selepas ayahnya meninggal dunia.
- b) Masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan ilmu pengetahuan
Contoh: Zuraida berhasrat untuk menyambung pengajian dalam bidang perniagaan untuk mendalami ilmu pengetahuan tersebut sebelum memajukan perniagaannya.
- c) Masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain
Contoh: Farid yang baru sahaja mengambil alih pengurusan milik keluarganya, Syarikat Batik Nusantara menyemat sifat hormat-menghormati dalam kalangan 57 orang para pekerjanya.

(iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya

- a) Masyarakat yang cekal dalam menghadapi dugaan dan cabaran dalam kehidupan
Contoh: Farhani dan Kim Yong tetap membantu Puteri Coleoptera untuk menumpaskan Komander Caucasus walaupun tiada sebarang pengalaman.
- b) Masyarakat yang hidup dalam berbilang kaum dan agama
Contoh: Haikal, Devnath dan Wei yang berkawan baik walaupun berlainan agama dan bangsa.
- c) Masyarakat yang mementingkan pendidikan dalam kehidupan
Contoh: Cikgu Slaimah menugaskan anak muridnya untuk mencari serangga dan binatang untuk membuat zoo mini bagi tujuan pembelajaran sains.

(iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah

- a) Masyarakat yang tabah dalam menghadapi dugaan hidup
Contoh: Alias yang hidup dalam kemiskinan tidak pernah merungut tetapi berusaha untuk bekerja mencari pendapatan untuk keluarganya.
- b) Masyarakat yang baik hati dan prihatin dalam membantu
Contoh: Mak Su Kiah yang mengambil berat ke atas kebajikan Leha dan Alias.
- c) Masyarakat yang berdikari dalam kehidupan
Contoh: Alias mengambil upah memetik buah kelapa untuk menyara yuran persekolahannya dan kebajikan keluarganya.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kehendak Soalan: Usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi memartabatkan permainan tradisional di negara kita

Pendahuluan:

generasi muda zaman sekarang – tidak ambil peduli kepada permainan tradisional – selalu berhadapan dengan peranti – merosakkan penglihatan – dikenali sebagai permainan rakyat – berupaya membentuk sebahagian daripada kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang kita

Isi-isi penting

- 1 Ibu bapa dan ahli keluarga memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak mereka.
- 2 Pihak sekolah hendaklah mengadakan pertandingan atau menubuhkan kelab permainan tradisional.
- 3 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara perlu mengadakan kempen cintai permainan tradisional
- 4 Agensi pelancongan seperti pemandu pelancong perlu memberikan pendedahan berkenaan permainan tradisional kepada masyarakat luar negara yang datang melawat ke Malaysia.

Penutup:

terdapat pelbagai usaha – memartabatkan permainan tradisional Malaysia – kita tidak seharusnya menjadi seperti kacang lupakan kulit – melupakan asal usul – abai peninggalan warisan nenek moyang

Soalan 2

Kehendak Soalan: Faedah-faedah belajar seni mempertahankan diri.

Pendahuluan

dahulu sebagai alat untuk berjuang – banyak manfaat – salah satu aktiviti riadah yang digemari ramai

Isi-isi penting

- 1 meningkatkan keupayaan fizikal – latihan yang sistematik dan teratur – memperbaiki keseimbangan tubuh
- 2 pembangunan mental dan emosi – diajar untuk berfokus dan mengekalkan ketenangan – belajar tentang disiplin, hormat-menghormati, dan nilai-nilai yang tinggi seperti kesabaran dan kejujuran
- 3 dapat meningkatkan keyakinan diri – menghargai usaha yang telah mereka lakukan – buang perasaan takut dalam diri – berani buat keputusan

Penutup

seni mempertahankan diri – banyak kebaikan – akan mendapat manfaat sepanjang hayat – menjadi individu yang berkeyakinan, bertanggungjawab, dan berintegriti

Soalan 3

Kehendak Soalan: Syarahan yang bertajuk kepentingan memelihara seni dan budaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Pendahuluan

kata alu-aluan-kepentingan memelihara seni dan budaya

Isi-isi penting

- 1 Melambangkan identiti sesebuah negara – pakaian tradisional pelbagai kaum yang unik.
- 2 Dapat memupuk perpaduan negara – kaya dengan nilai tradisional yang murni.
- 3 Satu tarikan pelancongan – mendekati corak hidup dan kebudayaan – persembahan teater tradisional seperti bangsawan dan makyung dan tarian seperti kuda kepang dan gawai.

Penutup

biar mati anak, jangan mati adat – usaha memupuk jangan dipandang enteng – subur meredah zaman – tidak lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan

- 2 Tiga latar masa dan tiga contoh peristiwa:
- (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
 - a) Waktu pagi : Sesi latihan badminton diteruskan seperti biasa
 - b) Umur 15 tahun : Syahir telah dinobatkan sebagai johan peringkat negeri bagi kategori perseorang bawah 15 tahun.
 - c) Umur 18 tahun : Syahir telah menjuarai pertandingan badminton peringkat kebangsaan bagi kategori perseorangan. Dia digelar juara remaja kebangsaan
 - (ii) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
 - a) Sebulan : Tempoh Hartini menjadi tenaga pengajar Batik Moden kepada pekerja Farid.
 - b) Waktu malam : Farid dan keluarganya makan malam bersama.
 - c) Waktu pagi hari Sabtu : Farid telah berkunjung ke kedai Zuraida menjual pakaian.
 - (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
 - a) Petang : Farhani menunggu rakan-rakannya sebelum mereka bersama mencari kumbang.
 - b) Lewat malam : Dara Merah mengambil botol kecil berisi Endosulfan daripada tangan Farhani.
 - c) Pukul 2:30 petang: Sewaktu Mira keluar dari rumahnya dan terus menuju ke dusun untuk mencari kumbang bersama Farhani.
 - (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah
 - a) Waktu pagi : Perhimpunan sekolah, Alias dan Chot memetik kelapa.
 - b) Waktu petang : Alias dan Som belajar membaca al-Quran daripada ibu Alias.
 - c) Tengah hari : Mak Su Kiah menghantar nasi bersama gulai kepada Alias dan ibunya.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Aku sebuah tong sampah kitar semula. Aku sangat berguna kepada manusia untuk membuang sampah. Aku terdiri daripada tiga warna, iaitu warna biru, jingga dan coklat. Aku diperbuat daripada plastik yang bermutu tinggi di sebuah kilang. Aku dibawa ke sebuah taman rekreasi. Aku juga mempunyai banyak keistimewaan kerana manusia menggunakan aku mengikut kategori yang telah ditetapkan. Sampah diasingkan mengikut tiga warna iaitu biru ialah tong sampah untuk buangan kertas. Coklat pula untuk buangan kaca manakala jingga untuk buangan tin aluminium, tin keluli dan plastik. Pengagihan ini sangat memudahkan kerja manusia untuk kitar semula

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kehendak Soalan: Faedah-faedah amalan kitar semula

Pendahuluan

alam sekitar anugerah tidak ternilai – memberikan nilai yang positif kepada rakyat – melakukan pelbagai inisiatif – menjamin persekitaran alam yang sihat – faedah-faedah amalan kitar semula

Isi-isi penting

- 1 mengurangkan pencemaran alam sekitar – bahan-bahan buangan atau barangan terpakai tidak akan dibuang ke tempat yang sepatutnya – sampah sarap dibuang tempat sepatutnya – masalah pencemaran dapat diatasi
- 2 menjimatkan kos perbelanjaan pelupusan sampah – dapat meningkatkan ekonomi negara
- 3 menambahkan pendapatan masyarakat – masyarakat beroleh pendapatan tetap atau sampingan melalui amalan jual beli bahan terbuang dan terpakai – menurunkan kadar pengangguran di Malaysia
- 4 perkara yang mustahak – dapat memelihara sumber alam semula jadi – menggunakan bahan yang ada secara optimum – mengurangkan bahan mentah – mengelakkan pembaziran sumber alam semula jadi yang terhad

Penutup

kesimpulan – terdapat pelbagai faedah diperolehi – semua pihak perlu berganding bahu – agar keindahan alam akan terus dapat dinikmati

Soalan 2

Kehendak Soalan: Usaha-usaha perlu diambil bagi memastikan alam sekitar dapat dipelihara.

Pendahuluan

alam sekitar – sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia – kawasan-kawasan tumbuhan hijau – udara dan air – pembangunan negara – pelbagai projek dijalankan – alam sekitar perlu dipelihara

Isi-isi penting

- 1 melaksanakan kempen secara konsisten – media cetak mahupun media sosial – kesedaran kepada masyarakat terhadap alam sekitar – memperbayakkan rancangan yang berkaitan alam sekitar
- 2 melakukan aktiviti sukarelawan membersihkan kawasan sekitar – berusaha membersihkan kawasan yang dicemari – menjamin kelangsungan hidup untuk masa hadapan
- 3 menggalakkan tanaman hijau – tanaman yang memberi manfaat kepada manusia – ibu bapa dan pihak sekolah menanam pokok-pokok bunga di kawasan yang sesuai
